



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KAEDAH PENGAJIAN PASCASISWAZAH UMS

2018

KANDUNGAN**MUKASURAT****BAB A****BAHAGIAN 1 – PERMULAAN**

1.1 Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian.....	1
1.2 Pemansuhan.....	1
1.3 Tafsiran	1-4

BAB B – PENGAJIAN PASCASISWAZAH SECARA PENYELIDIKAN**BAHAGIAN 2 – KEMASUKAN KE UNIVERSITI**

2.1 Syarat Kemasukan Ijazah Sarjana	4
2.2 Syarat Kemasukan Ijazah Sarjana Falsafah	4
2.3 Syarat Kemasukan Ijazah Kedoktoran	4-5
2.4 Keperluan Bahasa	5
2.5 Tawaran Kemasukan Bersyarat	5
2.6 Tempoh Sahlaku Tawaran Kemasukan	5
2.7 Penamatan Tawaran Kemasukan	5-6
2.8 Permohonan Kemasukan Semula	6

BAHAGIAN 3 – TEMPOH PENGAJIAN

3.1 Tempoh Pengajian yang Dibenarkan	6
3.2 Pelanjutan Tempoh Pengajian	6

BAHAGIAN 4 – PENDAFTARAN

4.1 Pendaftaran Kemasukan	7
4.2 Pendaftaran Semester	7
4.3 Status Pendaftaran	7-8
4.4 Penangguhan Pengajian	8
4.5 Penggantungan Pengajian	8
4.6 Pertukaran Mod Pendaftaran	9
4.7 Pendaftaran Kursus Prasyarat	9
4.8 Pendaftaran Kursus Pra Keperluan	9
4.9 Pertukaran Fakulti/Pusat/Institut	9
4.10 Pertukaran Bidang Pengajian	10

BAHAGIAN 5 – YURAN

5.1 Pembayaran Yuran	10
5.2 Pengembalian Yuran	10

BAHAGIAN 6 – PENYELIAAN

6.1 Kategori Penyeliaan	11
6.2 Kriteria Pelantikan Penyelia	11
6.3 Pertukaran Penyelia Dan/Atau Kategori Penyeliaan	12
6.4 Laporan Kemajuan Pelajar	12-13

BAHAGIAN 7 – TESIS

7.1 Penulisan Tesis	13
7.2 Notis Penyerahan Tesis	13
7.3 Penyerahan Tesis untuk Pemeriksaan	13
7.4 Penyerahan Tesis selepas Peperiksaan Lisan (Viva Voce)	13
7.5 Penyerahan Akhir Tesis	14

BAHAGIAN 8 – PENILAIAN AKHIR

8.1 Penilaian Akhir	14
---------------------------	----

8.2 Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (Viva Voce).....	14
8.3 Peperiksaan Lisan (Viva Voce).....	14-15
8.4 Keputusan Penilaian Sesi Peperiksaan Lisan (Viva Voce).....	15-16
8.5 Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan (Viva Voce)	16
 BAHAGIAN 9 – STATUS PENGAJIAN	
9.1 Status Pengajian (Secara Penyelidikan).....	16-17
 BAHAGIAN 10 – PENGAKTIFAN SEMULA STATUS PELAJAR	
10.1 Pengaktifan Semula Status Pengajian Pelajar	17
 BAHAGIAN 11 – PENGIJAZAHAN	
11.1 Syarat Pengurniaan Ijazah	17-18
11.2 Syarat Pengurniaan Ijazah Posthumus	18
 BAB C – PENGAJIAN PASCASI SWAZAH SECARA KERJA KURSUS	
 BAHAGIAN 12 – KEMASUKAN KE UNIVERSITI	
12.1 Syarat Kemasukan Diploma Pascasiswazah	18
12.2 Syarat Kemasukan Ijazah Sarjana Secara Kerja Kursus	18-19
12.3 Syarat Kemasukan Ijazah Sarjana Secara Mod Campuran (Kerja Kursus dan Penyelidikan)	19
12.4 Syarat Kemasukan Ijazah Kedoktoran Secara Kerja Kursus dan Secara Mod Campuran.....	19
12.5 Keperluan Bahasa	20
12.6 Tawaran Kemasukan Bersyarat	20
12.7 Tempoh Sahlaku Tawaran Kemasukan	20
 BAHAGIAN 13 – STRUKTUR PROGRAM	
13.1 Komponen Kursus	21
13.2 Tempoh Pengajian Yang Dibenarkan	21
13.3 Jumlah Jam Kredit Untuk Bergraduat	21
 BAHAGIAN 14 – PENDAFTARAN	
14.1 Pendaftaran Kemasukan	22
14.2 Pendaftaran Kursus	22
14.3 Pendaftaran Kursus Prasyarat	22
14.4 Pendaftaran Kursus Bahasa Melayu	22
14.5 Pendaftaran Kursus Audit	23
14.6 Pendaftaran Lewat	23
14.7 Jumlah Jam Kredit Yang Perlu Diambil	23
14.8 Gugur Dan/Atau Tambah Kursus	23
14.9 Tarik Diri Dari Kursus	23
14.10 Pendaftaran Semester Pendek	23
14.11 Pendaftaran Kursus Ulangan	24
14.12 Penangguhan Pengajian	24
14.13 Penggantungan Pengajian	24-25
14.14 Pertukaran Mod Pendaftaran	25
14.15 Penukaran Program Pengajian	25
 BAHAGIAN 15 – PEMINDAHAN KREDIT	
15.1 Permohonan Pemindahan Kredit	25-26
 BAHAGIAN 16 – YURAN	
16.1 Pembayaran Yuran	26
16.2 Pengembalian Yuran	26

BAHAGIAN 17 – PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN	
17.1 Penilaian	26-27
17.2 Keperluan Peperiksaan	27
17.3 Penangguhan Peperiksaan Akhir	27
17.4 Peperiksaan Gantian	27
17.5 Penyerahan Tesis/Disertasi/Projek Penyelidikan/Praktikum/ Internship/Latihan Mengajar..	28
17.6 Keputusan Penilaian dan Peperiksaan Akhir	28
17.7 Semakan Semula Gred Kursus	28
BAHAGIAN 18 – NILAI GRED DAN STATUS	
18.1 Gred dan Nilai Gred	29
18.2 Kod Status Tanpa Nilai Gred	29-30
BAHAGIAN 19 – PURATA NILAI GRED	
19.1 Pengiraan Unit dan Purata Nilai Gred (PNG)	30-31
19.2 Kaedah Pengiraan Purata Nilai Gred	31
BAHAGIAN 20 – STATUS PENGAJIAN	
20.1 Status Pengajian (Secara Kerja Kursus).....	31-32
20.2 Rayuan Meneruskan Pengajian	32
BAHAGIAN 21 – PENGIJAZAHAN	
21.1 Syarat Pengurniaan Ijazah	33
21.2 Syarat Pengurniaan Ijazah Posthumus	33
BAB D	
BAHAGIAN 22 – PERUNTUKAN AM	
22.1 Am	33

KAEDAH PENGAJIAN PASCASISWAZAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah(P.U.(A) 460/2010), Lembaga membuat kaedah yang berikut :

BAB A

BAHAGIAN 1 – PERMULAAN

1.1 Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian

- 1.1.1 Kaedah ini dinamakan Kaedah Pengajian Pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah 2018 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Senat.
- 1.1.2 Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar yang mengikuti sesuatu Program Pascasiswazah yang membolehkan pengurniaan Diploma Ijazah Lanjutan, Ijazah Sarjana, Sarjana Falsafah atau Ijazah Kedoktoran.

1.2 Pemansuhan

- 1.2.1 Peraturan Pengajian Pascasiswazah 2016 yang diluluskan oleh Senat dan juga pindaan-pindaan yang dibuat di bawahnya adalah dimansuhkan.

1.3 Tafsiran

1.3.1 Dalam Kaedah ini –

“Akta” ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30];

“APEL” ertinya Accreditation of Prior Experiential Learning, yang merupakan suatu program penilaian yang ditetapkan oleh MQA;

“Audit” ertinya kursus yang diambil yang tidak mempunyai nilai gred dan keputusan penilaian hanya berbentuk lulus atau gagal sahaja;

“Fakulti/Pusat/Institut” ertinya institusi akademik di Universiti yang menawarkan program-program akademik yang diikuti oleh pelajar sepanjang pengajiannya di Universiti.

“Ijazah” ertinya Ijazah Kedoktoran atau Ijazah Sarjana, Sarjana Falsafah atau Diploma Ijazah Lanjutan;

“Ijazah Posthumus” ertinya ijazah yang boleh diberikan kepada pelajar yang telah meninggal dunia semasa masih dalam pengajian;

“Kecurangan Akademik” ertinya kesalahan yang dilakukan oleh pelajar di bawah Kaedah 6 (Larangan terhadap plagiarisme) dan Kaedah 8 (Kelakuan semasa peperiksaan) Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 [P.U (A) 210/1999];

“Kredit” ertinya nilai pemberat bagi satu jam kredit yang setara dengan jam belajar atau masa pembelajaran setara selama satu semester pengajian;

“Kursus Audit” ertinya kursus yang diwajibkan LULUS tetapi tidak menyumbang kepada pengiraan jam kredit;

“Kursus Elektif”ertinya kursus pilihan yang ditawarkan pada peringkat program seperti yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat/Institut dan diwajibkan lulus;

“Kursus Minor” ertinya kursus yang boleh diambil oleh pelajar dari mana-mana program Ijazah seperti yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat/Institut dan diwajibkan LULUS;

“Kursus Pra-keperluan” ertinya kursus tertentu yang perlu diambil dan wajib lulus oleh pelajar sebelum dibenarkan mengambil kursus lain dalam program berkenaan yang ditentukan oleh pihak Fakulti/Pusat/Institut;

“Kursus Pra-syarat” ertinya kursus yang mesti diambil dan wajib lulus sebelum pelajar memulakan kerja-kerja penyelidikan atau memulakan program di Fakulti/Pusat/Institut, tertakluk kepada keperluan bidang pengajian seperti yang diluluskan oleh Fakulti/Pusat/Institut;

“Kursus Teras Fakulti” ertinya kursus yang ditawarkan di peringkat Fakulti dan diwajibkan LULUS;

“Kursus Teras Program” ertinya kursus yang ditawarkan di peringkat program dan diwajibkan LULUS;

“Mod Campuran” ertinya program pengajian dengan sekurang-kurangnya dengan 50% komponen penyelidikan;

“Mod Pendaftaran” ertinya jenis pendaftaran pengajian sama ada Sepenuh Masa atau Separuh Masa;

“MQA” ertinya Malaysian Qualification Agency, yang merupakan suatu agensi yang ditubuhkan di bawah Malaysian Qualifications Agency Act (Akta 679);

“MQR” ertinya Malaysian Qualifications Register, yang merupakan sumber rujukan dan panduan berkaitan program pendidikan tinggi yang telah diakreditasi dan dianugerahkan oleh pemberi pendidikan tinggi samada dari dalam atau luar negara;

“Pelajar Aktif Berdaftar” ertinya pelajar yang mendaftar pada semester semasa;

“Pelajar” ertinya individu yang telah mendaftar mengikut Program Pengajian Pascasiswazah di Universiti;

“Pelajar Tidak Aktif Berdaftar” ertinya pelajar yang tidak mendaftar pada semester semasa;

“Pemeriksa Dalam” ertinya Pensyarah Universiti yang dilantik oleh pihak Universiti untuk menilai tesis/disertasi pelajar;

“Pemeriksa Luar” ertinya Pensyarah/Individu yang mempunyai kepakaran dari universiti/institusi luar yang dilantik oleh pihak Universiti untuk menilai tesis pelajar;

“Pemindahan Jam Kredit” ertinya proses Pemindahan Jam Kredit Kursus Pengajian Pascasiswazah yang telah diambil dari Institusi Pengajian Tinggi sama ada dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Senat;

“Penangguhan Pengajian” ertinya pengajian pelajar ditangguhkan di atas apa-apa sebab;

“Pendaftaran kursus” ertinya pendaftaran sesuatu kursus yang diikuti oleh pelajar sepanjang pengajiannya di Universiti;

“Penggantungan pengajian” ertinya pelajar yang dikenakan tindakan di bawah Kaedah 48(d) Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 (P.U.(A) 210/1999) atau seksyen 150 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30);

“Penilaian Akhir” ertinya penilaian tesis pelajar;

“Penilaian” ertinya sebarang bentuk pengukuran pencapaian pelajar bagi kursus yang diambil oleh pelajar (sama ada berbentuk kuiz, ujian, ujian pertengahan semester, tugas, kerja kursus atau sebagainya) yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat/Institut;

“Penyelaras Program Pascasiswazah” ertinya Pensyarah yang dilantik oleh pihak Universiti untuk menyelaras program pascasiswazah di peringkat Fakulti/Pusat/Institut;

“Penyelia” ertinya Pensyarah yang bertanggungjawab untuk menyelia pelajar;

“Peperiksaan akhir” ertinya peperiksaan yang dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan pada akhir setiap semester;

“Peperiksaan tambahan” ertinya peperiksaan yang perlu diambil oleh pelajar Sarjana Kesihatan Awam dan juga Doktor Kesihatan Awam yang tidak mendapat gred B atau lebih tinggi pada sesuatu kursus;

“PNGK” ertinya purata mata nilai gred kumulatif yang diperoleh oleh pelajar bagi semua semester yang telah diikutinya;

“PNGS” ertinya purata mata nilai gred yang diperoleh oleh pelajar bagi sesuatu semester;

“Program pengajian” ertinya program akademik yang telah ditetapkan oleh Senat yang membawa kepada penganugerahan Ijazah;

“Program pengajian pascasiswazah” ertinya peringkat pengajian sama ada Ijazah Kedoktoran, Sarjana Falsafah, Sarjana atau Diploma Pascasiswazah;

“Semakan semula gred kursus” ertinya semakan pengiraan markah keseluruhan penilaian pelajar (projek, kuiz, tugas, peperiksaan pertengahan semester dan sebagainya) termasuk skrip jawapan peperiksaan akhir;

“Semester” ertinya suatu tempoh pengajian yang tidak kurang dari 14 minggu kuliah;

“Semester pendek” ertinya suatu tempoh pengajian yang tidak kurang dari tujuh (7) minggu kuliah;

“Senat” ertinya Senat Universiti;

“Sesi” ertinya suatu tempoh pengajian yang mengandungi dua (2) semester biasa dan satu (1) semester pendek yang ditetapkan oleh Senat;

“Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu” ertinya sistem pengurusan maklumat hal ehwal pengajian pelajar;

“Kaedah Pengajian” ertinya jenis pengajian sama ada Secara Penyelidikan, Kerja Kursus atau Campuran;

“Struktur program” ertinya komponen kurikulum dan tempoh pengajian yang mengandungi kursus yang ditetapkan untuk tujuan pengijazahan;

“Tahun Akademik” ertinya satu tempoh pengajian yang mengandungi dua (2) semester;

“tempoh pengajian” ertinya suatu tempoh yang ditetapkan untuk pelajar memenuhi semua syarat keperluan pengajian bagi tujuan pengijazahan;

“Universiti” ertinya Universiti Malaysia Sabah;

“Viva voce ” ertinya Peperiksaan Lisan;

“Viva voce Ulangan” ertinya Peperiksaan Lisan semula;

“Zon Peperiksaan” ertinya ruang, kawasan, tempat atau bangunan yang dijadikan tempat peperiksaan akhir;

BAB B – PENGAJIAN PASCASISWAZAH SECARA PENYELIDIKAN

BAHAGIAN 2 – KEMASUKAN KE UNIVERSITI

2.1 Syarat Kemasukan Ijazah Sarjana

2.1.1 Calon yang ingin mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) lulus Ijazah Sarjana Muda atau yang setara dengannya dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diperakui oleh senat universiti berkenaan dan mendapat PNGK minimum 2.75; atau
- (b) lulus Sarjana Muda atau yang setara dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dan tidak mencapai PNGK 2.75, boleh diterima masuk bergantung kepada penilaian dalaman yang teliti; atau
- (c) lulus Sarjana Muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50, boleh diterima masuk tertakluk kepada minimum lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang relevan; atau
- (d) lulus APEL (tertakluk program yang dibenarkan oleh pihak MQA); atau
- (e) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat/Institut yang diterima oleh Senat.

2.2 Syarat Kemasukan Ijazah Sarjana Falsafah

2.2.1 Calon yang ingin mengikuti program Ijazah Sarjana Falsafah hendaklah mendapat sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK 3.00 dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat.

2.3 Syarat Kemasukan Ijazah Kedoktoran

2.3.1 Calon yang ingin mengikuti program Ijazah Doktor Fasafah hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :

- (a) lulus Ijazah Sarjana dari institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau
- (b) lulus kelayakan lain yang setara dengan Ijazah Sarjana dan diterima oleh Senat; atau

- (c) sedang mengikuti program Sarjana Falsafah di Universiti dan menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam tempoh dua (2) semester pertama dan mendapat kelulusan menaiktaraf oleh Senat; dan
- (d) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat/Institut yang diterima oleh Senat.

2.4 Keperluan Bahasa

2.4.1 Calon antarabangsa dari negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar hendaklah mendapat sekurang-kurangnya:

- (a) Band 5 dalam Ujian Bahasa Inggeris IELTS (International English Language Testing System) atau mendapat skor 500 (Bertulis)/173 (atas talian) dalam ujian TOEFL (Test of English as a Foreign Language); atau
- (b) lulus kursus Bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh Universiti dan mendapat sekurang-kurangnya gred B.

2.4.2 Tempoh sah laku keputusan yang diperlukan pada subkaedah 2.4.1 (a) dan (b) hendaklah tidak melebihi dua (2) tahun dari tarikh keputusan dikeluarkan.

2.4.3 Subkaedah 2.4.1 tidak terpakai sekiranya:

- (a) calon mendapat Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana atau Ijazah Sarjana Falsafah dari institusi pengajian tinggi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dengan syarat calon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan daripada institusi pengajian tinggi masing-masing;
- (b) calon yang memperolehi ijazah dari mana-mana universiti di Malaysia; atau
- (c) program pengajiannya adalah tidak memerlukan penggunaan Bahasa Inggeris.

2.5 Tawaran Kemasukan Bersyarat

2.5.1 Calon boleh diberikan tawaran bersyarat jika tidak memenuhi subkaedah 2.1.1(a) tetapi berada pada semester akhir pengajian Ijazah Sarjana Muda tertakluk kepada PNGK dan kelayakan setaraf akhir yang diperolehinya adalah memenuhi syarat kemasukan.

2.5.2 Calon yang diberi tawaran bersyarat akan diberi tawaran kemasukan penuh selepas menunjukkan bukti telah memenuhi subkaedah 2.1.1(a) sebelum atau pada hari pendaftaran.

2.5.3 Tawaran kemasukan bersyarat akan terbatal sekiranya calon gagal mengemukakan bukti kelayakan yang dikehendaki pada tempoh masa yang telah ditetapkan.

2.6 Tempoh Sahlaku Tawaran Kemasukan

2.6.1 Tawaran kemasukan hanya sah untuk satu (1) tahun akademik sahaja.

2.6.2 Calon yang ingin menangguhkan pendaftaran kemasukan Universiti hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan.

2.7 Penamatan Tawaran Kemasukan

2.7.1 Tawaran kemasukan akan terbatal dengan sendirinya sekiranya: -

- (a) calon tidak memohon penangguhan secara bertulis kepada Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah dalam tempoh masa yang ditetapkan. Penangguhan boleh diberi tidak melebihi dua (2) semester berturut-turut.
- (b) calon tidak mendaftar selepas tempoh penangguhan yang diluluskan itu tamat.

2.7.2 Calon perlu membuat permohonan baru sekiranya tawaran kemasukan terbatal.

2.8 Permohonan Kemasukan Semula

- 2.8.1 Pelajar yang tidak menamatkan program pengajian atau gagal program pengajian di mana-mana universiti hendaklah mendaftar dengan kajian penyelidikan yang baharu.
- 2.8.2 Pelajar yang tidak menamatkan program pengajian atau gagal program pengajian di mana-mana universiti boleh dibenarkan menggunakan kajian penyelidikan asal di universiti berkenaan dengan syarat mendapat kelulusan dan kebenaran bertulis daripada penyelia kepada pelajar di universiti terdahulu.

BAHAGIAN 3 – TEMPOH PENGAJIAN

3.1 Tempoh Pengajian Yang Dibenarkan

3.1.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan adalah seperti dalam jadual di bawah:

Peringkat Pengajian	Mod Pendaftaran			
	Sepenuh Masa		Separuh Masa	
	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum
Ijazah Sarjana/Sarjana Falsafah	2 semester	6 semester	4 semester	8 semester
Ijazah Kedoktoran	4 semester	8 semester	6 semester	12 semester

3.2 Pelanjutan Tempoh Pengajian

3.2.1 Pelajar yang telah mencapai tempoh maksimum pengajiannya hendaklah memohon secara bertulis untuk pelanjutan tempoh pengajian dalam tempoh dua (2) minggu pertama semester terakhir. Pelajar hendaklah mendapatkan persetujuan daripada penyelia dan pengesahan Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah Universiti.

3.2.2 Pelanjutan tempoh pengajian yang dibenarkan adalah seperti jadual di bawah:

Peringkat Pengajian	Mod Pendaftaran	
	Sepenuh Masa	Separuh Masa
Ijazah Sarjana/Sarjana Falsafah	2 semester	4 semester
Ijazah Kedoktoran	4 semester	6 semester

3.2.3 Kegagalan untuk melengkapkan pengajian dalam tempoh yang diberikan akan menyebabkan status pelajar diberhentikan tanpa pemberitahuan bertulis daripada pihak Universiti.

BAHAGIAN 4 – PENDAFTARAN

4.1 Pendaftaran Kemasukan

4.1.1 Calon yang telah ditawarkan untuk mengikuti pengajian Pascasiswazah hendaklah mendaftar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pendaftaran yang ditetapkan oleh Universiti.

4.2 Pendaftaran Semester

4.2.1 Pelajar hendaklah membayar yuran dan mendaftar pada setiap semester dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pendaftaran yang ditetapkan oleh Universiti.

4.2.2 Pelajar tidak dibenarkan mendaftar pada semester seterusnya sehingga semua yuran tertunggak dijelaskan.

4.2.3 Pelajar boleh mendaftar setelah laporan kemajuan pengajian pelajar diperakukan oleh Penyelia dan disahkan oleh Dekan Fakulti/ Pengarah Pusat/Institut.

4.2.4 Pelajar boleh mendaftar lewat sehingga minggu ke-4 dan pelajar hendaklah membayar denda lewat sebanyak RM200.

4.2.5 Pelajar yang tidak mendaftar selepas minggu ke-4 pada setiap semester akan diberikan status gantung pengajian tanpa pemberitahuan secara bertulis daripada pihak Universiti.

4.2.6 Pelajar yang tidak mendaftar selama dua (2) semester berturut-turut akan diberhentikan pengajian tanpa pemberitahuan secara bertulis daripada pihak Universiti.

4.2.7 Pelajar yang telah menyerahkan tesis untuk pemeriksaan tidak perlu mendaftar pada semester berikutnya.

4.2.8 Pelajar yang ditangguh keputusan Peperiksaan Lisan (Viva voce) hendaklah mendaftar pada semester yang ditetapkan dan membayar yuran Peperiksaan Lisan (Viva voce) Ulangan (sekiranya diperlukan) dan yuran-yuran lain yang dikenakan.

4.3 Status Pendaftaran

4.3.1 Status pendaftaran adalah seperti berikut:

- (a) DALAM PENGAJIAN;
- (b) DALAM PENGAJIAN (LANJUT TEMPOH (I), (II), (III), (IV), (V), (VI));
- (c) DALAM PENGAJIAN (NOTIS PENGHANTARAN TESIS);
- (d) DALAM PENGAJIAN (MENUNGGU VIVA).

4.3.2 Takrifan status pendaftaran :

- (a) “DALAM PENGAJIAN” bermaksud pelajar yang berdaftar pada semester semasa.
- (b) “DALAM PENGAJIAN (LANJUT TEMPOH (I), (II), (III), (IV), (V), (VI))” bermaksud pelajar yang telah melebihi tempoh pengajian yang dibenarkan dan telah diluluskan permohonan pelanjutan tempoh pengajian oleh Senat.
- (c) “DALAM PENGAJIAN (NOTIS PENGHANTARAN TESIS)” bermaksud pelajar yang telah berdaftar pada semester semasa dan telah menghantar Notis Penyerahan

Tesis.

- (d) “DALAM PENGAJIAN (MENUNGGU VIVA)” bermaksud pelajar yang sedang menunggu Viva Voce.

4.4 Penangguhan Pengajian

- 4.4.1 Permohonan penangguhan boleh dibuat sebelum semester baharu bermula atau selewat-lewatnya pada minggu ke-2 pada semester yang hendak ditangguh. Permohonan yang dibuat selepas minggu ke-2 hanya akan dipertimbangkan atas sebab-sebab munasabah yang diperaku oleh Fakulti/Pusat/Institut atau Pusat Pengajian Pascasiswazah.
- 4.4.2 Permohonan penangguhan hendaklah disokong oleh Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut untuk kelulusan Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah.
- 4.4.3 Pelajar tidak dibenarkan untuk menangguh pengajian melebihi dua (2) semester berturut-turut sepanjang tempoh pengajian kecuali atas sebab-sebab munasabah yang diperaku oleh Fakulti/Pusat/Institut atau Pusat Pengajian Pascasiswazah.
- 4.4.4 Kelulusan penangguhan pengajian adalah berdasarkan semester ke semester.
- 4.4.5 Penangguhan tidak terpakai bagi kes pelanjutan semester yang telah diluluskan.
- 4.4.6 Pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian adalah dianggap sebagai pelajar tidak aktif berdaftar pada semester berkenaan dan tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan oleh pihak Universiti kecuali untuk mendapatkan nasihat bagi menyambung semula pengajiannya.
- 4.4.7 Tempoh penangguhan pengajian hendaklah tidak diambilkira dalam pengiraan tempoh pengajian pelajar.

4.5 Penggantungan Pengajian

- 4.5.1 Pelajar akan diberi status gantung pengajian jika:
- (a) gagal mendaftar pada mana-mana semester dalam tempoh yang ditetapkan; atau
 - (b) didapati bersalah oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar Universiti dan dihukum di bawah Kaedah 48(d) Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar) 1999 (P.U.(A) 210/1999); atau
 - (c) didapati melanggar subseksyen 15D(1) dan (7) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).
- 4.5.2 Tempoh penggantungan pengajian adalah diambilkira dalam pengiraan tempoh pengajian pelajar yang ditetapkan dalam Kaedah 3.1.
- 4.5.3 Pelajar yang mendapat status gantung pengajian di bawah subkaedah 4.5.1(a) hendaklah mengaktifkan status pengajian pada semester berikutnya dengan membayar yuran pemprosesan sebanyak RM300 dan yuran pengajian bagi semester yang digantung.

4.6 Pertukaran Mod Pendaftaran

- 4.6.1 Pelajar boleh memohon kepada Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut dan memaklumkan kepada Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah untuk menukar mod pendaftaran dari sepenuh masa ke separuh masa atau sebaliknya. Permohonan ini hanya dibenarkan sekali sahaja di sepanjang tempoh pengajian yang ditetapkan.
- 4.6.2 Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada baki tempoh pengajian maksimum bagi Mod Pendaftaran yang dipohon.
- 4.6.3 Pelajar antarabangsa tidak dibenarkan bertukar Mod Pendaftaran dari Sepenuh Masa ke Separuh Masa.

4.7 Pendaftaran Kursus Pra-syarat

- 4.7.1 Pelajar yang dikenakan kursus pra-syarat perlu mengambil dan lulus sekurang-kurangnya Gred B sebelum memulakan kerja-kerja penyelidikan, tertakluk kepada keperluan Fakulti/Pusat/Institut masing-masing.
- 4.7.2 Kursus akan diberi catatan tanpa nilai gred dan diberikan keputusan umum berbentuk lulus atau gagal sahaja. Ia tidak diambil kira untuk menentukan purata nilai gred pengajian pelajar.

4.8 Pendaftaran Kursus Pra-keperluan

4.8.1 Pendaftaran Kursus Bahasa Melayu:

- (a) semua pelajar antarabangsa kecuali pelajar dari negara Brunei dan Indonesia hendaklah mendaftar dan lulus kursus Bahasa Melayu sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti. Walau bagaimanapun, pengecualian boleh diberi kepada pelajar-pelajar yang telah mengikuti kursus Bahasa Melayu yang dianjurkan oleh badan lain atau dalam kes-kes tertentu yang diiktiraf oleh Senat Universiti.

4.8.2 Pendaftaran Kursus Metodologi:

- (a) semua pelajar diwajibkan mengikuti Kursus Metodologi Penyelidikan yang dianjurkan oleh Universiti pada tahun pertama pengajian.

4.9 Pertukaran Fakulti/Pusat/Institut

- 4.9.1 Pelajar boleh memohon pertukaran Fakulti/Pusat/Institut pada bila-bila masa dalam semester pengajian semasa:
 - (a) Pengajian Ijazah Sarjana selewat-lewatnya pada semester kedua pengajian;
 - (b) Pengajian Ijazah Doktor Falsafah selewat-lewatnya pada semester ketiga pengajian;
 - (c) sekiranya diluluskan dalam tempoh tujuh (7) minggu pertama semester semasa, pertukaran akan berkuatkuasa pada semester berkenaan;
 - (d) sekiranya diluluskan selepas tempoh tersebut, pertukaran akan berkuatkuasa pada semester berikutnya.
- 4.9.2 Permohonan hanya boleh dibuat sekali sepanjang pengajian kecuali atas sebab-sebab lain yang diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah Universiti.

4.10 Pertukaran Bidang Pengajian

- 4.10.1 Pelajar boleh memohon pertukaran Bidang Pengajian pada bila-bila masa dalam semester pengajian:
- (a) Pengajian Ijazah Sarjana selewat-lewatnya pada semester kedua pengajian;
 - (b) Pengajian Ijazah Doktor Falsafah selewat-lewatnya pada semester ketiga pengajian;
 - (c) sekiranya diluluskan dalam tempoh tujuh (7) minggu pertama semester semasa, pertukaran akan berkuatkuasa pada semester berkenaan;
 - (d) sekiranya kelulusan selepas tempoh tersebut, pertukaran akan berkuatkuasa pada semester berikutnya.
- 4.10.2 Permohonan hanya boleh dibuat sekali sepanjang pengajian kecuali atas sebab-sebab lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah Universiti.

BAHAGIAN 5 – YURAN

5.1 Pembayaran Yuran

- 5.1.1 Pelajar wajib membayar semua yuran yang berkaitan pada setiap semester.
- 5.1.2 Semua yuran hendaklah dibayar pada waktu pendaftaran.
- 5.1.3 Pelajar yang telah membayar yuran pengajian pada semester semasa tetapi telah diluluskan menangguhkan pengajian pada semester tersebut, maka yuran pengajian yang telah dibayar itu akan dibawa ke semester berikutnya.
- 5.1.4 Pelajar yang menghantar Tesis untuk pemeriksaan sebelum atau pada minggu ke-4 pada mana-mana semester dikecualikan daripada membayar yuran pengajian tertakhluk kepada keputusan Notis Penyerahan Tesis di peringkat Senat.
- 5.1.5 Yuran Peperiksaan Lisan (Viva voce) hendaklah dibayar semasa penyerahan tesis untuk pemeriksaan.
- 5.1.6 Pelajar dikehendaki membayar yuran Peperiksaan Lisan (Viva Voce) Ulangan sekiranya dikehendaki menduduki semula Peperiksaan Lisan (Viva Voce).
- 5.1.7 Jumlah yuran adalah tertakhluk kepada perubahan dari masa ke semasa tanpa pemberitahuan awal daripada pihak Universiti.

5.2 Pengembalian Yuran

- 5.2.1 Pelajar yang memohon menarik diri dalam tempoh dua (2) minggu semester pertama dan diluluskan oleh Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah adalah layak dikembalikan yuran pengajian.

BAHAGIAN 6 – PENYELIAAN

6.1 Kategori Penyeliaan

6.1.1 Kategori penyeliaan merangkumi:

- (a) Penyeliaan Perseorangan - sekiranya hanya melibatkan pelantikan seorang Penyelia sahaja, atau
- (b) Penyeliaan Bersama - seorang Penyelia Utama dan seorang Penyelia Bersama, atau
- (c) Jawatankuasa Penyeliaan - dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli termasuk seorang Pengerusi dan ahli Jawatankuasa. Pengerusi bertanggungjawab menyelaras aktiviti penyeliaan bagi pelajar tersebut.

6.1.2 Pelantikan Penyelia hendaklah disahkan oleh Senat.

6.2 Kriteria Pelantikan Penyelia

6.2.1 Penyelia Perseorangan/Penyelia Utama/Pengerusi Jawatankuasa penyeliaan bagi:

- (a) pelajar Ijazah Kedoktoran:
 - i. ahli akademik Universiti yang berjawatan Profesor atau Profesor Madya; atau
 - ii. ahli akademik Universiti mempunyai Ijazah Kedoktoran berpengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan, atau pernah menjadi Penyelia Bersama atau Ahli Jawatankuasa Penyeliaan
 - iii. walaupun yang disebut pada subseksyen 6.2.1 (i) dan (ii), ianya dikecualikan ke atas mana-mana bidang kepakaran yang terhad.
- (b) pelajar Sarjana/Sarjana Falsafah:
 - i. ahli akademik Universiti yang berjawatan Profesor atau Profesor Madya; atau
 - ii. ahli akademik Universiti dan mempunyai Ijazah Kedoktoran dan setara; atau
 - iii. ahli akademik Universiti selain daripada subkaedah 6.2.1(b) (i) dan (ii) perlu mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengajaran dan penyelidikan, atau pernah menjadi Penyelia Bersama atau Ahli Jawatankuasa Penyeliaan dan tertakluk kepada kelulusan Senat
- (c) ahli akademik Universiti hendaklah mempunyai kepakaran bersesuaian dengan bidang penyelidikan pelajar.
- (d) walaupun yang dinyatakan pada perenggan (c), sekiranya Pengerusi sesuatu Jawatankuasa Penyeliaan Pascasiswazah tidak boleh dilantik kerana tidak memenuhi syarat yang dinyatakan pada perenggan (a) dan (b) di atas, maka Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut pelajar berkenaan hendaklah dilantik sebagai pengerusi.

- 6.2.2 Penyelia Bersama/Ahli Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah:
- (a) ahli akademik Universiti mempunyai Ijazah Kedoktoran atau Ijazah Sarjana atau individu dari luar Universiti / industri yang mempunyai kepakaran bersesuaian dengan bidang penyelidikan pelajar; atau
 - (b) ahli akademik Universiti atau individu dari luar Universiti yang tidak memenuhi perenggan (a) perlu mendapat kelulusan Senat.
- 6.2.3 Ahli akademik Universiti yang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana ataupun Ijazah Kedoktoran sama ada sepenuh atau separuh masa tidak boleh dilantik menjadi Penyelia/Penyelia Utama/Penyelia Bersama/Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa Penyeliaan.
- 6.2.4 Penyelia yang berpindah atau tamat perkhidmatan tidak dibenarkan menjadi Penyelia Utama atau Pengerusi Ahli Jawatankuasa Penyeliaan.
- 6.2.5 Penyelia atau ahli dalam Jawatankuasa Penyeliaan tidak boleh mempunyai sebarang pertalian keluarga dengan pelajar yang diselia.
- 6.2.6 Ahli akademik lantikan secara kontrak atau Felo Penyelidik hendaklah menyelia secara bersama dengan sekurang-kurangnya seorang ahli akademik Universiti berjawatan tetap.
- 6.3 Pertukaran Penyelia Dan/Atau Kategori Penyeliaan
- 6.3.1 Pelajar dibenarkan memohon untuk :
- (a) menukar Penyelia.
 - (b) menukar Kategori Penyeliaan.
 - (c) menambah ahli dalam Kategori Penyeliaan.
- 6.3.2 Permohonan pertukaran Penyelia dan/atau Kategori Penyeliaan hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) semester pertama pengajian. Permohonan selepas dua (2) semester pertama pengajian boleh dibuat sekiranya berlaku Penyelia/Penyelia Utama/Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan berpindah/berhenti perkhidmatan/bersara/meninggal dunia atau apa-apa sebab yang disahkan oleh Senat.
- 6.3.3 Penyelia boleh menarik diri daripada penyeliaan dalam tempoh dua (2) semester pertama pengajian. Fakulti/Pusat/Institut bertanggungjawab untuk mencadangkan Penyelia baharu.
- 6.3.4 Permohonan pertukaran atau penambahan ini hendaklah disahkan oleh Senat.
- 6.4 Laporan Kemajuan Pelajar Pascasiswazah (LKPP)
- 6.4.1 Pelajar hendaklah mengisi Laporan Kemajuan Pelajar Pascasiswazah (LKPP) pada masa yang ditetapkan dalam Takwim Akademik.
- 6.4.2 Pelajar dengan status "Dalam Pengajian (Menunggu Viva)" tidak perlu mengisi Laporan Kemajuan Pelajar Pascasiswazah (LKPP) .
- 6.4.3 Pelajar akan diberikan status diberhentikan daripada pengajian jika Laporan Kemajuan Pelajar Pascasiswazah (LKPP) adalah Lemah dan diberi status "Lulus Bersyarat" bagi tempoh dua (2) semester berturut-turut.

- 6.4.4 Penyelia dikehendaki mengisi dan memperakukan penilaian prestasi sebenar penyelidikan pelajar pada masa yang ditetapkan dalam Takwim Akademik.
- 6.4.5 Kegagalan pelajar mengisi Laporan Kemajuan Pelajar Pascasiswazah (LKPP) dalam masa yang ditetapkan akan menyebabkan pelajar tidak boleh mendaftar pada semester seterusnya dan diberi status 'Tidak Mengisi Laporan Kemajuan Pelajar Pascasiswazah (LKPP)'.

BAHAGIAN 7 – TESIS

7.1 Penulisan Tesis

- 7.1.1 Pelajar hendaklah menulis tesis mengikut Garis Panduan Penyerahan dan Penulisan Tesis/Disertasi Gaya UMS 2018 Universiti Malaysia Sabah yang ditetapkan oleh Senat.
- 7.1.2 Pelajar tidak boleh menggunakan semula tesis hasil pengajiannya dari universiti lain.

7.2 Notis Penyerahan Tesis

- 7.2.1 Pelajar hendaklah melengkapkan dan menyerahkan Notis Penyerahan Tesis kepada Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum menyerahkan tesis untuk pemeriksaan.
- 7.2.2 Tempoh sah laku Notis adalah selama enam (6) bulan dari tarikh Notis Penyerahan Tesis diterima oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah.
- 7.2.3 Kegagalan pelajar untuk menyerahkan tesis mengikut tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan notis yang dihantar sebelum ini terbatal, dan pelajar dikehendaki menyerahkan notis baharu.
- 7.2.4 Pelajar dikehendaki berstatus Pelajar Aktif Berdaftar semasa mengemukakan Notis Penyerahan Tesis.

7.3 Penyerahan Tesis Untuk Pemeriksaan

- 7.3.1 Pelajar perlu melakukan semakan pruf teks berhubung penggunaan bahasa dalam tesis sebelum menghantar tesis untuk pemeriksaan.
- 7.3.2 Pelajar Sarjana/Sarjana Falsafah hendaklah menyerahkan tiga (3) salinan tesis dan pelajar Ijazah Kedoktoran hendaklah menyerahkan empat (4) salinan tesis kepada Pusat Pengajian Pascasiswazah setelah Jawatankuasa Pemeriksa disahkan oleh Senat.
- 7.3.3 Pelajar hendaklah menyerahkan satu (1) salinan Laporan Semakan Plagiarisme yang telah diperakukan oleh Fakulti/Pusat/Institut.

7.4 Penyerahan Tesis Selepas Peperiksaan Lisan (Viva voce)

- 7.4.1 Pelajar hendaklah menyerahkan tesis selepas pembetulan dalam tempoh yang telah ditetapkan kepada Pusat Pengajian Pascasiswazah untuk pemeriksaan format.
- 7.4.2 Pelajar boleh memohon untuk pelanjutan tempoh penyerahan tesis satu (1) kali sahaja dan tempoh yang diberi adalah satu (1) bulan. Permohonan hendaklah dibuat melalui Penyelia/Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dan dimajukan kepada Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah untuk kelulusan.

7.4.3 Kegagalan membuat pembetulan dan menyerahkan tesis dalam tempoh yang ditetapkan akan diberi keputusan gagal.

7.5 Penyerahan Akhir Tesis

7.5.1 Setelah mendapat perakuan terhadap pembetulan dan format tesis dari Pusat Pengajian Pascasiswazah, pelajar dikehendaki menyerahkan satu (1) naskhah tesis / disertasi berjilid keras dan satu keping salinan cakera padat (CD) format PDF kepada Pusat Pengajian Pascasiswazah.

7.5.2 Semua tesis/disertasi adalah hakmilik Universiti.

BAHAGIAN 8 – PENILAIAN AKHIR

8.1 Penilaian Akhir

8.1.1 Penilaian akhir bagi pelajar terdiri daripada Penilaian Tesis dan sesi Viva voce.

8.1.2 Penilaian Tesis hendaklah dilaksanakan oleh:

- (a) (i) seorang (1) Pemeriksa Luar dan dua (2) orang Pemeriksa Dalam bagi pelajar Ijazah Kedoktoran.
(ii) dua (2) orang Pemeriksa Luar dan seorang (1) Pemeriksa Dalam jika pelajar Ijazah Kedoktoran merupakan kakitangan Universiti.
- (b) seorang (1) Pemeriksa Luar dan seorang (1) Pemeriksa Dalam untuk pelajar Sarjana.

8.1.3 Sesi Viva voce hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Viva voce setelah penilaian ke atas tesis dibuat oleh Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam mengikut subkaedah 8.1.2.

8.2 Jawatankuasa Sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce)

8.2.1 Jawatankuasa Sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce) hendaklah terdiri daripada:

- (a) Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah atau wakil yang dilantik sebagai Pengerusi.
- (b) Pemeriksa Dalam dan/atau Pemeriksa Luar seperti subkaedah 8.1.2 .
- (c) Dekan Fakulti/ Pengarah Pusat/Institut atau wakil di mana pelajar berdaftar.

8.3 Peperiksaan Lisan (Viva voce)

8.3.1 Sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce) akan diadakan setelah semua laporan pemeriksa diterima.

8.3.2 Sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce) hanya boleh diadakan sekiranya Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis, Dekan atau Pengarah atau wakil dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa hadir. Penyelia, Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dan/atau ahli lain dalam Jawatankuasa Penyeliaan adalah dijemput sebagai pemerhati. Sesi Peperiksaan Lisan (Viva

voce) akan diurus setiakan oleh wakil yang dilantik.

- 8.3.3 Sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce) hanya boleh diadakan sekiranya ahli-ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (Viva Voce) yang dinyatakan dalam subkaedah 8.2.1 di atas hadir.
- 8.3.4 Penyelia, Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan atau ahli lain dalam Jawatankuasa Penyeliaan boleh dijemput sebagai pemerhati.
- 8.3.5 Sekiranya Pengerusi Sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce) tidak dapat hadir atas perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan, maka Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah diberikan kuasa untuk melantik Pengerusi yang baharu.
- 8.3.6 Pelajar akan diberi keputusan lulus jika semua ahli jawatankuasa Peperiksaan Lisan (Viva voce) berpuashati dengan tesis pelajar dan keupayaan pelajar mempertahankan tesisnya.
- 8.3.7 Pelajar yang gagal menghadiri sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce) tanpa sebarang alasan munasabah akan dianggap gagal dalam peperiksaan tersebut.
- 8.3.8 Sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce) ulangan hanya dibenarkan sebanyak satu (1) kali sahaja.

8.4 Keputusan Penilaian Sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce)

- 8.4.1 Pemakluman keputusan Penilaian Sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce) adalah berdasarkan kepada kategori berikut:
 - (a) Tesis diterima tanpa pembedulan.
Tesis pelajar diterima untuk penganugerahan ijazah tanpa pembedulan selain daripada kesalahan tipografi.
 - (b) Tesis diterima tertakluk kepada pindaan dan perubahan/pembedulan kecil dalam tempoh maksimum tiga (3) bulan
Tesis pelajar diterima dengan pembedulan minor yang merangkumi pembedulan dari segi format, sorotan literatur, rujukan dan lain-lain pembedulan yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (Viva voce). Pelajar hendaklah menghantar tesis yang telah diperbaiki dan diperakukan oleh Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut dalam tempoh maksimum tiga (3) bulan selepas tarikh Peperiksaan Lisan (Viva voce) diadakan.
 - (c) Tesis diterima tertakluk kepada pindaan dan perubahan/pembedulan besar dalam tempoh maksimum enam (6) bulan
Tesis pelajar diterima dengan pembedulan major merangkumi perubahan/pembedulan objektif kajian, metodologi, analisa kajian, perbincangan hasil dapatan kajian dan lain-lain pembedulan yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (Viva voce). Pelajar hendaklah menghantar tesis yang telah diperbaiki dan diperakukan oleh Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut dalam tempoh maksimum enam (6) bulan selepas tarikh Peperiksaan Lisan (Viva voce) diadakan.
 - (d) Keputusan Peperiksaan Lisan (Viva voce) ditangguh dan pelajar diminta menulis semula dalam tempoh maksimum dua belas (12) bulan serta menyerahkan tesis untuk pemeriksaan kali kedua.
 - i. Pelajar diminta untuk menulis semula tesis kerana tidak menepati skop pengijazahan, kajian tidak menepati objektif penyelidikan, metodologi, analisis dan perbincangan hasil dapatan kajian tidak mencukupi, memerlukan penambahbaikan kajian atau pengumpulan data dan lain-lain pembedulan besar

yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (Viva voce). Pelajar hendaklah menghantar tesis yang telah diperbaiki dan diperakukan oleh Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut dalam tempoh maksimum 12 bulan selepas tarikh Peperiksaan Lisan (Viva voce) diadakan.

ii. Pelajar perlu menjalani semula Peperiksaan Lisan (Viva voce) sekiranya diputuskan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (Viva voce).

(e) Tesis diterima sebagai tesis Sarjana Falsafah dan pembetulan perlu dibuat tertakluk kepada penambahbaikan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (Viva voce).

Tesis tidak mencapai tahap keserjanaan peringkat Ijazah Kedoktoran dan memerlukan penambahbaikan terhadap objektif penyelidikan, metodologi dan kajian semula terhadap perbincangan dan dapatan kajian.

(f) Tesis tidak diterima dan tidak dibenarkan menyerahkan semula tesis untuk pemeriksaan

Tesis tidak memenuhi tahap keserjanaan peringkat Sarjana/Ijazah Kedoktoran atau/dan didapati mempunyai unsur plagiarisme.

8.5 Rayuan Keputusan sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce)

8.5.1 Rayuan keputusan Peperiksaan Lisan (Viva voce) hanya boleh dibuat sekiranya pelajar tidak berpuashati dengan keputusan yang diberikan dan perlu mengemukakan alasan yang kukuh

8.5.2 Pelajar tidak boleh sama sekali mempertikaikan perakuan oleh pemeriksa yang berasaskan nilai akademik.

8.5.3 Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah dalam tempoh 30 hari selepas tarikh sesi Peperiksaan Lisan (Viva voce) pertama.

8.5.4 Keputusan rayuan adalah muktamad.

BAHAGIAN 9 – STATUS PENGAJIAN

9.1 Status Pengajian (Secara Penyelidikan)

Status pengajian pelajar dikategorikan seperti berikut:

9.1.1 "TANGGUH PENGAJIAN" Pelajar yang diluluskan untuk menangguh pengajian mengikut kaedah

9.1.2 "TANGGUH PENGAJIAN (MASALAH KESIHATAN)" Pelajar yang diluluskan untuk menangguh pengajian disebabkan masalah kesihatan mengikut kaedah 4.4.

9.1.3 "GANTUNG PENGAJIAN" Pelajar digantung pengajian mengikut kaedah 4.5.

9.1.4 "TARIK DIRI DARI PENGAJIAN" Pelajar menarik diri dari pengajian.

9.1.5 "GAGAL DAN BERHENTI" Gagal dan diberhentikan dari pengajian:

(a) Jika pelajar gagal dalam penilaian tesis mengikut subkaedah 8.4.1 (f);

- (b) Jika pelajar gagal membuat pembetulan dan menyerahkan tesis dalam tempoh yang ditetapkan;
- (c) mengikut subkaedah 7.4.3;
- (d) jika pelajar mendapat status Lulus Bersyarat sebanyak dua (2) semester berturut-turut.

9.1.6 "DIBERHENTIKAN (TATATERTIB)" diberhentikan dari pengajian:

- (a) Jika pelajar yang tidak mendaftar selama dua (2) semester berturut-turut (subkaedah 4.2.6);
- (b) Jika pelajar gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan;
- (c) Jika pelajar dipecat dari Universiti mengikut Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 (P.U.A 210).

BAHAGIAN 10 – PENGAKTIFAN SEMULA STATUS PELAJAR

10.1 Pengaktifan Semula Status Pengajian Pelajar

10.1.1 Pelajar yang mendapat status diberhentikan daripada pengajian mengikut subkaedah 4.2.6 dan/atau subkaedah 9.1.6 boleh membuat rayuan untuk meneruskan pengajian dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh diberhentikan dan hendaklah membayar:

- (a) bayaran proses permohonan sebanyak RM300.
- (b) yuran pengajian semester yang tidak berdaftar.

10.1.2 Bagi maksud subkaedah 10.1.1 di atas pelajar boleh membuat rayuan berkenaan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

10.1.3 Keputusan permohonan rayuan pelajar adalah tertakluk kepada kelulusan Senat.

BAHAGIAN 11 – PENGIJAZAHAN

11.1 Syarat Pengurniaan Ijazah

11.1.1 Pelajar layak dikurniakan Ijazah setelah memenuhi semua syarat pengijazahan Pengajian Pascasiswazah termasuklah:

- (a) memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh pihak Pusat Pengajian Pascasiswazah.
- (b) lulus Peperiksaan Lisan (Viva voce). yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah dan disahkan oleh Senat.
- (c) menyerahkan tesis berkulit keras dan satu salinan dalam bentuk cakera padat dalam tempoh yang ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (Viva

voce).

- (d) melunaskan segala bentuk hutang dan liabiliti kepada Universiti sepanjang tempoh pengajian.
- (e) memenuhi kaedah 7.5 (Penyerahan Akhir Tesis).
- (f) pelajar sarjana perlu menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) artikel iaitu satu (1) artikel berwasit dan satu (1) prosiding
- (g) pelajar Ijazah Kedoktoran perlu menerbitkan sekurang-kurangnya tiga (3) artikel iaitu satu (1) artikel berindeks, satu (1) artikel berwasit dan satu (1) prosiding.
- (h) syarat-syarat seperti di atas perlu dipenuhi oleh pelajar dengan menghantar dokumen bukti semasa penghantaran Borang Penyerahan Tesis/Disertasi Selepas Pembetulan untuk tujuan pengijazahan.

11.1.2 subkaedah 11.1.1(f) dan 11.1.1(g) tidak terpakai kepada pelajarambilan sesi 2013/2014 dan sebelumnya.

11.2 Syarat Pengurniaan Ijazah Posthumus

11.2.1 Pelajar layak dianugerahkan Ijazah Posthumus sekiranya pelajar telah menghantar deraf tesis untuk pemeriksaan Peperiksaan Lisan (Viva voce).

BAB C – PENGAJIAN PASCASISWAZAH SECARA KERJA KURSUS

BAHAGIAN 12 – KEMASUKAN KE UNIVERSITI

12.1 Syarat Kemasukan Diploma Pascasiswazah

12.1.1 Calon yang ingin memohon program pengajian Diploma Pascasiswazah hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) lulus Sarjana Muda atau yang setara dengannya dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diperakui oleh Senat dan mendapat PNGK minimum 2.50; atau
- (b) lulus Sarjana Muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50, boleh diterima masuk tertakluk kepada pengalaman minimum lima (5) tahun bekerja dalam bidang yang relevan; atau
- (c) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat/Institut yang diterima oleh Senat.

12.2 Syarat Kemasukan Ijazah Sarjana Secara Kerja Kursus

12.2.1 Calon yang ingin memohon program pengajian Ijazah Sarjana hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) lulus Ijazah Sarjana Muda atau yang setara dengannya dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diperakui oleh Senat dan mendapat PNGK minimum 2.50; atau

- (b) lulus Sarjana Muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50, boleh diterima masuk tertakluk kepada pengalaman minimum lima (5) tahun bekerja dalam bidang yang relevan; atau
- (c) lulus APEL (tertakluk program yang dibenarkan oleh pihak MQA); atau
- (d) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat/Institut yang diterima oleh Senat.

12.2.2 Calon yang ingin memohon program pengajian Ijazah Sarjana Kesihatan Awam hendaklah memenuhi syarat- syarat berikut:

- (a) Lulus Ijazah Doktor Perubatan atau yang setara dengannya dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diperakui oleh Senat dan mendapat PNGK minimum 2.50 atau setaraf; dan mempunyai pengalaman selama sekurang-kurangnya setahun sebagai Pegawai Perubatan (selepas latihan siswazah) and seboleh-bolehnya mempunyai pengalaman selama sekurang-kurangnya selama setahun dalam kesihatan awam; atau
- (b) Lulus Ijazah Doktor Perubatan (MD, MBBS) atau yang setara dengannya dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diperakui oleh Senat (Level 6 KKM); dan mencapai PNGK kurang dari 2.50 dan minimum pengalaman lima (5) tahun bekerja (termasuk latihan siswazah) dalam bidang yang berkaitan."

12.3 Syarat Kemasukan Ijazah Sarjana Secara Mod Campuran (Kerja Kursus dan Penyelidikan)

12.3.1 Calon yang ingin memohon program pengajian Ijazah Sarjana hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) lulus Ijazah Sarjana Muda atau yang setara dengannya dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diperakui oleh Senat dan mendapat PNGK minimum 2.75; atau
- (b) lulus Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK sekurang-kurangnya di antara PNGK 2.50 dan tidak mencapai PNGK 2.75 boleh dipertimbangkan bergantung kepada penilaian dalaman yang teliti; atau
- (c) lulus Ijazah Sarjana Muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50, boleh dipertimbangkan masuk tertakluk kepada minimum pengalaman lima (5) tahun bekerja dalam bidang yang berkaitan; atau
- (d) lulus APEL (tertakluk program yang dibenarkan oleh pihak MQA); atau
- (e) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat/Institut yang diterima oleh Senat.

12.4 Syarat Kemasukan Ijazah Kedoktoran Secara Kerja Kursus dan Secara Mod Campuran

12.4.1 Calon yang ingin memohon program pengajian Ijazah Kedoktoran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Ijazah Sarjana yang diterima oleh Senat; atau
- (b) kelayakan lain yang setara dengan Ijazah Sarjana yang diterima oleh Senat.

12.5 Keperluan Bahasa

12.5.1 Calon antarabangsa dari negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar hendaklah mendapat sekurang-kurangnya:

- (a) Band 5 dalam Ujian Bahasa Inggeris IELTS (International English Language Testing System) atau mendapat skor 500 (Bertulis)/173 (atas talian) dalam ujian TOEFL (Test of English as a Foreign Language); atau
- (b) lulus kursus Bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh Universiti dan mendapat sekurang-kurangnya gred B.
- (c) tempoh sahlaku keputusan perenggan (a) dan (b) adalah tidak melebihi dua (2) tahun dari tarikh keputusan dikeluarkan.

12.5.2 Subkaedah 12.5.1 tidak terpakai bagi calon yang mendapat Ijazah Sarjana Muda dari institusi pengajian tinggi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dengan syarat calon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan daripada institusi pengajian tinggi masing-masing.

12.5.3 Calon antarabangsa yang memperolehi ijazah dari mana-mana universiti di Malaysia adalah tidak tertakluk kepada subkaedah 12.5.1.

12.5.4 Subkaedah 12.5.1 juga tidak terpakai bagi calon antarabangsa dari negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar yang memohon program pengajian Ijazah Sarjana Kesihatan Awam dan Doktor Kesihatan Awam, hendaklah mendapat sekurang-kurangnya Band 6 dalam Ujian Bahasa Inggeris IELTS (International English Language Testing System-Academic) atau mendapat skor 550 (Bertulis) atau setara (atas talian) dalam ujian TOEFL (Test of English as a Foreign Language).

12.6 Tawaran Kemasukan Bersyarat

12.6.1 Calon boleh diberikan tawaran bersyarat jika tidak memenuhi kaedah 12.1 atau 12.2 atau 12.3 tetapi berada pada semester akhir pengajian prasiswazah tertakluk kepada PNGK dan kelayakan akhir setaraf yang diperolehinya adalah memenuhi syarat kemasukan.

12.6.2 Calon yang diberikan tawaran bersyarat akan diberi tawaran kemasukan penuh selepas menunjukkan bukti telah memenuhi kaedah 12.1 atau 12.2 atau 12.3 atau 12.4 sebelum atau pada hari pendaftaran.

12.6.3 Tawaran kemasukan bersyarat akan terbatal sekiranya calon gagal mengemukakan bukti kelayakan yang dikehendaki dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

12.7 Tempoh Sahlaku Tawaran Kemasukan

12.7.1 Tawaran kemasukan hanya sah untuk semester yang ditawarkan sahaja.

12.7.2 Tawaran bagi calon yang gagal mendaftar akan terbatal secara automatik dan perlu membuat permohonan kemasukan baru.

BAHAGIAN 13 – STRUKTUR PROGRAM

13.1 Komponen Kursus

13.1.1 Pelajar hendaklah mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan oleh program pengajian masing-masing terdiri daripada:

- a) Kursus Teras Fakulti; atau
- b) Kursus Teras Program; atau
- c) Kursus Minor; atau
- d) Kursus Elektif.

13.1.2 Nisbah kerja kursus dan penyelidikan yang perlu diikuti oleh pelajar bagi program Pascasiswazah adalah seperti berikut:-

- a) Diploma Pascasiswazah (100% Kerja Kursus).
- b) Ijazah Kedoktoran dan Ijazah Sarjana Secara Kerja Kursus (nisbah Kerja Kursus : Penyelidikan adalah dalam julat 70:30).
- c) Ijazah Kedoktoran dan Ijazah Sarjana Secara Mod Campuran (nisbah Kerja Kursus : Penyelidikan adalah dalam julat 50:50).

13.2 Tempoh Pengajian Yang Dibenarkan

13.2.1 Tertakluk kepada ketetapan dan kelulusan yang diberikan oleh Agensi Kelayakan Malaysia, tempoh pengajian yang dibenarkan adalah seperti dalam jadual di bawah dan tidak terpakai untuk Ijazah Sarjana Kesihatan Awam dan Doktor Kesihatan Awam:

Peringkat Pengajian	Sepenuh Masa		Separuh Masa	
	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum
Diploma Pascasiswazah	2 semester	4 semester	3 semester	6 semester
Ijazah Sarjana	2 semester	6 semester	4 semester	8 semester
Ijazah Kedoktoran	6 semester	10 semester	8 semester	12 semester

13.2.2 Kegagalan untuk melengkapkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan status pelajar diberhentikan tanpa pemberitahuan bertulis daripada pihak Universiti.

13.3 Jumlah Jam Kredit Untuk Bergraduat

13.3.1 Pelajar hendaklah lulus sejumlah jam kredit mengikut struktur program seperti yang ditetapkan oleh Senat:

- a) Diploma Pascasiswazah minimum 30 jam kredit
- b) Ijazah Sarjana minimum 40 jam kredit.
- c) Ijazah Kedoktoran minimum 80 jam kredit.

BAHAGIAN 14 – PENDAFTARAN

14.1 Pendaftaran Kemasukan

14.1.1 Calon yang telah ditawarkan hendaklah mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

14.2 Pendaftaran Kursus

14.2.1 Pelajar diwajibkan membayar yuran dan mendaftar kursus pada setiap semester dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pendaftaran yang ditetapkan oleh Universiti. Pelajar yang gagal berbuat demikian tanpa alasan munasabah dikenakan denda.

14.2.2 Pelajar yang gagal mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan akan diberikan status "Gantung Pengajian".

14.2.3 Pelajar bertanggungjawab menyemak pendaftaran kursus pada setiap semester dan membuat pembetulan pada tempoh ditetapkan.

14.2.4 Semua kursus yang telah didaftar pada sesuatu semester akan dibatalkan sekiranya pelajar telah diluluskan untuk menangguhkan pengajian pada semester berkenaan di bawah kaedah 14.12.

14.2.5 Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00 hendaklah berbincang dengan Penyelaras Program Pascasiswazah dan mendapat kebenaran Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut sebelum pelajar tersebut membuat sebarang pendaftaran kursus.

14.2.6 Pelajar semasa tidak dibenarkan mendaftar pada semester seterusnya sehingga semua yuran tertunggak dijelaskan.

14.2.7 Pelajar yang tidak mendaftar selepas minggu ke-4 pada setiap semester akan diberikan status "Gantung Pengajian" tanpa pemberitahuan secara bertulis daripada pihak Universiti.

14.2.8 Pelajar yang tidak mendaftar selama dua (2) semester berturut-turut akan diberhentikan pengajian tanpa pemberitahuan secara bertulis daripada pihak Universiti.

14.2.9 Subkaedah 14.2.5 hendaklah tidak terpakai kepada pelajar program pengajian Ijazah Sarjana Kesihatan Awam dan pelajar program Doktor Kesihatan Awam.

14.3 Pendaftaran Kursus Prasyarat

14.3.1 Pelajar yang dikenakan kursus pra syarat perlu mengambil dan lulus sekurang-kurangnya Gred B sebelum memulakan program Ijazah tertakluk kepada keperluan Fakulti/Pusat/Institut masing-masing.

14.3.2 Keputusan kursus pra syarat tidak diambil kira untuk menentukan purata nilai gred pengajian pelajar.

14.4 Pendaftaran Kursus Bahasa Melayu

14.4.1 Semua pelajar antarabangsa kecuali pelajar dari negara Brunei dan Indonesia hendaklah mendaftar sebagai Audit dan wajib lulus.

14.4.2 Pengecualian boleh diberi kepada pelajar-pelajar yang telah mengikuti kursus Bahasa Melayu yang dianjurkan oleh badan lain atau dalam kes-kes tertentu yang diiktiraf oleh

Senat Universiti.

14.5 Pendaftaran Kursus Audit

14.5.1 Pelajar boleh mendaftar untuk mengikuti mana-mana kursus secara audit.

14.5.2 Kursus-kursus yang didaftarkan secara audit tidak dikira dalam menentukan purata nilai gred.

14.5.3 Pelajar yang mengikuti kursus secara audit diperlukan memenuhi kaedah-kaedah berkaitan kehadiran kuliah, peperiksaan dan lain-lain.

14.6 Pendaftaran Lewat

14.6.1 Pelajar yang tidak mematuhi kaedah 14.2 hendaklah membayar sebanyak RM50 bagi setiap kursus yang ingin didaftarkan sebelum mendapatkan kelulusan Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah/Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut yang berkaitan.

14.6.2 Pelajar yang telah terhalang daripada membuat pendaftaran kursus, atas apa-apa sebab yang diperuntukkan di dalam kaedah ini atau apa-apa kaedah lain yang berkaitan, adalah dianggap tidak mendaftar dan diberi status gantung pengajian.

14.6.3 Status gantung pengajian yang diberikan mengikut subkaedah 14.6.2 akan diambil kira dalam tempoh pengajian yang ditetapkan.

14.7 Jumlah Jam Kredit Yang Perlu Diambil

14.7.1 Pelajar boleh memohon untuk mendaftar jumlah jam kredit pada sesuatu semester seperti jadual di bawah:-

Peringkat Pengajian	Mod Pendaftaran			
	Sepenuh Masa		Separuh Masa	
	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum
Diploma Pascasiswazah	8 jam kredit	16 jam kredit	6 jam kredit	10 jam kredit
Ijazah Sarjana	9 jam kredit	20 jam kredit	6 jam kredit	12 jam kredit
Ijazah Kedoktoran	10 jam kredit	20 jam kredit	8 jam kredit	14 jam kredit

14.7.2 Kiraan had kredit untuk tujuan pendaftaran adalah tidak termasuk Disertasi / Projek Penyelidikan / Praktikum / Internship / Latihan Mengajar.

14.8 Gugur Dan/Atau Tambah Kursus

14.8.1 Pelajar boleh memohon untuk gugur dan/atau tambah mana-mana kursus yang telah didaftarkan pada semester berkenaan pada minggu ke-2 sehingga minggu ke-4 setiap semester.

14.9 Tarik Diri Dari Kursus

14.9.1 Pelajar boleh memohon untuk tarik diri dari mana-mana kursus yang telah didaftarkan pada semester berkenaan pada minggu ke-5 sehingga minggu ke-8 semester berkenaan. Yuran tidak akan dikembalikan bagi kes ini.

14.10 Pendaftaran Semester Pendek

14.10.1 Pelajar hanya dibenarkan mendaftar tidak melebihi sembilan (9) jam kredit.

14.10.2 Proses gugur dan/atau tambah kursus semasa semester pendek adalah tidak dibenarkan.

14.11 Pendaftaran Kursus Ulangan

14.11.1 Pelajar dibenarkan mendaftar kursus ulangan sekiranya :

- (a) pelajar yang gagal dalam mana-mana kursus yang telah diambil; atau
- (b) mendapat Gred B- atau C+ bagi kursus yang telah diambil untuk memperbaiki gred kursus tersebut dan hanya dibenarkan sekali sahaja dalam tempoh pengajian

14.11.2 Pelajar dibenarkan menggantikan kursus tersebut dengan kursus yang lain jika kursus adalah merupakan kursus elektif.

14.11.3 Subkaedah 14.11.1 dan subkaedah 14.11.2 adalah tidak terpakai kepada pelajar program pengajian Ijazah Sarjana Kesihatan Awam

14.12 Penangguhan Pengajian

14.12.1 Permohonan penangguhan boleh dibuat sebelum semester baru bermula atau selewat-lewatnya pada minggu ke-2 pada semester yang hendak ditangguh. Permohonan yang dibuat selepas minggu ke-2 hanya akan dipertimbangkan atas sebab-sebab kesihatan sahaja dengan syarat disahkan oleh Doktor Panel yang dilantik oleh Universiti atau mana-mana hospital kerajaan atau sebab-sebab lain yang munasabah.

14.12.2 Permohonan penangguhan hendaklah disokong oleh Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut untuk kelulusan Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah.

14.12.3 Pelajar tidak dibenarkan untuk menangguh pengajian melebihi dua (2) semester berturut-turut sepanjang tempoh pengajian kecuali atas sebab-sebab kesihatan dengan syarat disahkan oleh Doktor Panel yang dilantik oleh Universiti atau mana-mana hospital kerajaan atau sebab-sebab lain yang munasabah.

14.12.4 Kelulusan penangguhan pengajian adalah berdasarkan permohonan dari semester ke semester.

14.12.5 Pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian adalah dianggap sebagai pelajar tidak aktif berdaftar pada semester berkenaan dan tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan oleh pihak Universiti kecuali untuk mendapatkan nasihat bagi menyambung semula pengajiannya.

14.12.6 Penangguhan ini tidak diambil kira dalam tempoh pengiraan tempoh pengajian pelajar seperti yang ditetapkan dalam kaedah 13.2

14.13 Penggantungan Pengajian

14.13.1 Pelajar akan diberi status gantung pengajian jika:

- (a) gagal mendaftar pada mana-mana semester dalam tempoh yang ditetapkan: atau
- (b) didapati bersalah oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar Universiti dan dihukum dibawah Kaedah 48(d) Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar) 1999 (P.U.(A) 210/1999).
- (c) didapati melanggar subseksyen 15D(1) dan (7) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

14.13.2 Tempoh penggantungan pengajian adalah diambilkira dalam pengiraan tempoh pengajian pelajar yang ditetapkan dalam kaedah 13.2.

14.13.3 Pelajar yang mendapat status gantung pengajian di bawah subkaedah 14.13.1(a) hendaklah mengaktifkan status pengajian pada semester berikutnya dengan membayar yuran pemprosesan sebanyak sebanyak RM300.

14.13.4 Pelajar boleh membuat rayuan bagi penggantungan pengajian sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

14.14 Pertukaran Mod Pendaftaran

14.14.1 Pelajar boleh memohon kepada Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut dan memaklumkan kepada Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah untuk menukar mod pendaftaran dari sepenuh masa ke separuh masa atau sebaliknya. Permohonan ini hanya dibenarkan sekali sahaja di sepanjang tempoh pengajian yang ditetapkan.

14.14.2 Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada baki tempoh pengajian maksimum bagi Mod Pendaftaran yang dipohon.

14.14.3 Pelajar antarabangsa tidak dibenarkan bertukar Mod Pendaftaran dari Sepenuh Masa ke Separuh Masa.

14.15 Pertukaran Program Pengajian

14.15.1 Pelajar boleh memohon pertukaran Program Pengajian selewat-lewatnya pada minggu kedua dalam semester pertama.

14.15.2 Kelulusan pertukaran program pengajian adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah.

14.15.3 Permohonan hanya boleh dibuat sekali sepanjang pengajian kecuali atas sebab-sebab lain yang diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah.

BAHAGIAN 15 – PEMINDAHAN KREDIT

15.1 Permohonan Pemindahan Kredit

15.1.1 Pelajar boleh memohon pemindahan kredit jika memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) pelajar yang mengikuti program Ijazah yang sama di universiti lain yang diiktiraf dan dibenarkan berpindah ke Universiti oleh Senat; atau
- (b) pelajar yang terlibat dalam program mobiliti outbound boleh memohon untuk memindahkan kredit yang telah diperolehi bagi kursus yang setara dengan kursus yang perlu diikuti.

15.1.2 Pemindahan kredit dibenarkan bagi kursus yang memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (a) Bagi pelajar yang berpindah ke Universiti;
 - i. kursus-kursus yang hendak dipindahkan kredit hendaklah yang telah diambil di peringkat Ijazah dan program yang sama sahaja; dan

- ii. memperoleh sekurang-kurangnya Gred B pada kursus-kursus yang telah diambil di peringkat Ijazah dan program yang sama sahaja.
 - (b) Bagi pelajar yang bertukar program di dalam Fakulti/Pusat/Institut hendaklah mendapat sekurang-kurangnya Gred B bagi kursus-kursus yang berkaitan.
- 15.1.3 Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat perakuan akreditasi daripada MQA dan telah disenarai dalam MQR.
- 15.1.4 Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua (2) minggu pertama pada semester pertama pengajiannya di Universiti.
- 15.1.5 Kandungan kursus yang diambil terdahulu hendaklah sekurang-kurangnya 80% setara dengan kursus yang dipohon pemindahannya di Universiti.
- 15.1.6 Jumlah kredit yang dibenarkan untuk pemindahan hendaklah tidak melebihi satu pertiga (1/3) daripada jumlah kredit pengajian yang diikuti di Universiti.
- 15.1.7 Walau apa pun yang dinyatakan pada subkaedah 15.1.6, jumlah pemindahan jam kredit yang boleh diluluskan bagi pelajar yang bertukar dalam Universiti adalah tidak terhad tetapi tertakluk kepada syarat pemindahan kredit pada subkaedah 15.1.2(b).
- 15.1.8 Setiap permohonan pemindahan jam kredit akan dikenakan yuran pemprosesan sebanyak RM300 bagi setiap kursus.

BAHAGIAN 16 – YURAN

16.1 Pembayaran Yuran

- 16.1.1 Pelajar wajib membayar semua yuran yang berkaitan setiap semester.
- 16.1.2 Semua yuran hendaklah dibayar pada waktu pendaftaran.
- 16.1.3 Pelajar yang telah membayar yuran pengajian pada semester semasa tetapi telah diluluskan menangguhkan pengajian pada semester tersebut, maka yuran pengajian yang telah dibayar itu akan dibawa ke semester berikutnya.
- 16.1.4 Jumlah yuran adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa tanpa pemberitahuan awal daripada pihak Universiti.

16.2 Pengembalian Yuran

- 16.2.1 Pelajar yang memohon menarik diri dalam tempoh dua (2) minggu pertama semester dan diluluskan oleh Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah adalah layak dikembalikan yuran pengajian kecuali Yuran Pendaftaran, Kad Pelajar, Insuran dan Yuran Persatuan.

BAHAGIAN 17 – PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

17.1 Penilaian

- 17.1.1 Setiap kursus yang dijalankan hendaklah mempunyai kaedah penilaian berterusan dan/atau peperiksaan akhir.

- 17.1.2 Penilaian terhadap setiap kursus dibuat secara berterusan berdasarkan kerja kursus, peperiksaan akhir dan bentuk lain yang dibuat dalam sesuatu semester pengajian menurut kaedah yang ditentukan oleh Fakulti/Pusat/Institut tertakluk kepada kelulusan Senat.
- 17.1.3 Penilaian bagi Tesis / Disertasi / Projek Penyelidikan / Praktikum / Internship / Latihan Mengajar adalah menurut kaedah yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat/Institut tertakluk kepada kelulusan Senat.
- 17.1.4 Bagi kursus yang dinilai berdasarkan kerja kursus bersama peperiksaan akhir semester, wajaran kerja kursus hendaklah tidak kurang daripada 50% markah keseluruhan, manakala wajaran peperiksaan akhir hendaklah dinilai tidak kurang dari 30% dan tidak lebih daripada 50%.
- 17.1.5 Setiap disertasi akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa bagi pelajar Ijazah Sarjana Kerja Kursus.
- 17.1.6 Setiap tesis/disertasi akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang Pemeriksa bagi pelajar Ijazah Sarjana Secara Mod Campuran atau Ijazah Kedoktoran Secara Kerja Kursus.
- 17.1.7 Setiap tesis/disertasi akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang Pemeriksa, satu (1) daripadanya adalah Pemeriksa Luar bagi pelajar Ijazah Kedoktoran Secara Mod Campuran.
- 17.2 Keperluan Peperiksaan
- 17.2.1 Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut boleh menghalang pelajar daripada menduduki peperiksaan jika pelajar tidak hadir kuliah melebihi 30% daripada jumlah kehadiran yang telah ditetapkan tanpa kebenaran Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut;.
- 17.2.2 Senat boleh menentukan apa-apa cara dan kaedah sesuatu peperiksaan akhir itu dilaksanakan.
- 17.3 Penangguhan Peperiksaan Akhir
- 17.3.1 Pelajar yang mengalami masalah kesihatan sewaktu peperiksaan akhir semester hendaklah memohon kepada Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut berkenaan untuk menangguhkan peperiksaan. Permohonan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan diadakan. Permohonan mestilah disertakan surat pengesahan Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan.
- 17.3.2 Ibu bapa atau waris seseorang pelajar yang menghadapi masalah kesihatan kritikal semasa peperiksaan akhir boleh memohon bagi pihak pelajar berkenaan dengan menyertakan perakuan daripada Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan kepada Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut berkenaan pelajar itu untuk menangguhkan peperiksaan dalam tempoh yang munasabah.
- 17.4 Peperiksaan Gantian
- 17.4.1 Bagi kes penangguhan pada kaedah 17.3, Fakulti/Pusat/Institut akan menetapkan tarikh peperiksaan gantian mengikut kesesuaian.
- 17.4.2 Sekiranya pelajar masih tidak dapat hadir mengikuti peperiksaan gantian pada tarikh yang ditetapkan tanpa alasan munasabah, maka pelajar hendaklah diberi gred F bagi kursus-kursus berkenaan dan dikehendaki mendaftar semula kursus tersebut.

- 17.5 Penyerahan Tesis / Disertasi /Projek Penyelidikan / Praktikum/ Internship / Latihan Mengajar
- 17.5.1 Pelajar yang gagal menyerahkan Tesis/Disertasi/ Projek Penyelidikan/Praktikum/Internship/ Latihan Mengajar pada tarikh yang ditetapkan akan diberikan gred F atau Gagal.
- 17.5.2 Pelajar dikehendaki mendaftar semula kursus berkenaan dan hanya dibenarkan sekali dalam tempoh pengajian.
- 17.6 Keputusan Penilaian Dan Peperiksaan Akhir
- 17.6.1 Setelah disahkan oleh Senat, pelajar akan dimaklumkan:-
- (a) keputusan gred setiap kursus;
 - (b) PNGS dan PNGK;
 - (c) status pengajian setiap semester.
- 17.7 Semakan Semula Gred Kursus
- 17.7.1 Pelajar boleh membuat permohonan semakan semula gred kursus kepada Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut di mana kursus itu ditawarkan, dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh keputusan peperiksaan diumumkan.
- 17.7.2 Setiap permohonan semakan semula akan dikenakan bayaran pemprosesan sebanyak RM100 setiap kursus.
- 17.7.3 Satu jawatankuasa pemeriksaan akan ditubuhkan bagi tujuan semakan semula gred kursus.
- 17.7.4 Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut di mana kursus itu ditawarkan hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pemeriksa yang terdiri daripada:
- (a) Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut di mana kursus ditawarkan sebagai Pengerusi atau Timbalan Dekan yang menjalankan fungsi akademik dalam keadaan di mana Dekan tidak berupaya menjalankan tugasnya atau berkepentingan dalam kertas yang disemak semula;
 - (b) Ketua/Penyelaras Program bagi kursus yang diambil;
 - (c) seorang (1) ahli lain yang dilantik oleh Dekan atau Pengarah; dan
 - (d) pemeriksa asal kursus berkenaan
 - (e) Penolong Pendaftar Fakulti/Pusat/Institut sebagai Setiausaha.
- 17.7.5 Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah menyemak pengiraan markah keseluruhan penilaian pelajar (projek, kuiz, tugas, peperiksaan pertengahan semester dan sebagainya) termasuk skrip jawapan peperiksaan akhir. Skrip jawapan kursus berkenaan tidak akan dinilai semula.
- 17.7.6 Keputusan Senat berhubung permohonan semakan gred kursus semula itu adalah muktamad.

BAHAGIAN 18 – NILAI GRED DAN STATUS

18.1 Gred dan Nilai Gred

18.1.1 Peperiksaan bagi semua kursus yang berdaftar pada sesuatu semester akan diberikan nilai gred.

18.1.2 Gred dan Nilai Gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

GRED	NILAI GRED	PERATUSAN	STATUS
A	4.00	80 – 100	Lulus dengan cemerlang
A-	3.67	75 – 79	Lulus dengan baik
B+	3.33	70 – 74	Lulus
B	3.00	65 – 69	
B-	2.67	60 – 64	
C+	2.33	55 – 59	
F	0.00	0 – 54	Gagal

18.1.3 Senat boleh menentukan gred dan nilai gred yang berlainan daripada yang dinyatakan dalam jadual pada subkaedah 18.1.2 bagi mana-mana program mengikut keperluan program berkenaan.

18.1.4 Tertakluk kepada peruntukan dalam Kaedah ini, pelajar yang tidak melengkapkan atau mengikut mana-mana penilaian atau menduduki peperiksaan akhir yang ditetapkan dalam sesuatu kursus hendaklah diberi Gred F bagi keseluruhan penilaian bagi kursus tersebut.

18.1.5 Walau apapun yang dinyatakan pada subkaedah 18.1.4, Gred dan Nilai Gred yang diberikan kepada sesuatu kursus bagi pengajian Ijazah Sarjana Kesihatan Awam dan Ijazah Doktor Kesihatan Awam adalah seperti berikut:

(a) Gred dan Nilai Gred yang boleh diberikan bagi peperiksaan akhir;

GRED	NILAI GRED	PERATUSAN	STATUS
A	4.00	80 – 100	Lulus
A-	3.67	75 – 79	
B+	3.33	70 – 74	
B	3.00	65 – 69	
B-	2.67	60 – 64	Gagal
C+	2.33	55 – 59	
F	0.00	0 – 54	

(b) Gred dan Nilai Gred bagi peperiksaan ulangan;

GRED	NILAI GRED	PERATUSAN	STATUS
B	3.00	65-100	Lulus
F	0.00	0-64	Gagal

18.2 Kod Status Tanpa Nilai Gred

18.2.1 Berikut adalah status yang diberi tanpa nilai gred:

SM	Sedang Maju
U	Audit
TD	Tarik Diri
TP	Tangguh Peperiksaan

L/G	Lulus/Gagal
TL	Tidak Lengkap
X	Tidak Hadir (Mendaftar tetapi tidak mengikuti kuliah dan sebarang penilaian)
XX	Proses Tindakan Tatatertib
XD	Tidak menghantar disertasi

18.2.2 Takrifan status yang diberikan tanpa nilai adalah seperti berikut:

- (a) "SM" (Sedang Maju) digunakan bagi kursus tesis/disertasi/praktikum/projek yang memerlukan lebih satu semester untuk disiapkan. Jam kredit bagi kursus tersebut dikira untuk pengiraan jam kredit pendaftaran bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian. Jam kredit dan nilai gred hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah jam kredit keseluruhan setelah gred diperolehi.
- (b) "U" (Audit) diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus tetapi nilai gred diberikan dan simbol tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.
- (c) "TD" (Tarik Diri) diberikan kepada pelajar yang menarik diri dari sesuatu kursus dengan kebenaran pensyarah dan Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut selepas minggu ke – 4 hingggga minggu ke – 8 pengkuliahahan.
- (d) "TP" (Tangguh Peperiksaan) diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan atas alasan kesihatan iaitu dalam tempoh 48 jam selepas tarikh peperiksaan berlangsung. Peperiksaan Gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang mungkin berdasarkan keadaan kesihatan pelajar.
- (e) "L"/ "G" (lulus/gagal) diberikan bagi kursus tanpa gred.
- (f) 'TL' (Tidak Lengkap) diberikan dengan kebenaran Dekan atau Pengarah kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 50% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar diberi tempoh melengkapkan tugas tersebut tidak lewat daripada dua (2) minggu selepas peperiksaan akhir semester tersebut untuk mendapat penilaian penuh dan gred.
- (g) "X" diberikan kepada pelajar yang mendaftar sesuatu kursus tetapi tidak mengikuti kuliah dan sebarang penilaian. Gred kursus berkenaan akan diberikan nilai Gred 0.00.
- (h) 'XX'(Tindakan Tatatertib) diberikan kepada pelajar yang sedang dalam tindakan tatatertib mengenai kesalahan bagi kes-kes kecurangan akademik. Jika disabitkan kesalahan kursus berkenaan diberikan gred F. Jika tidak disabitkan kesalahan gred kursus diberikan berdasarkan markah yang diperolehi.
- (i) 'XD' (Tidak menghantar Disertasi) diberikan kepada pelajar yang gagal menghantar disertasi sepertimana yang dinyatakan dalam peraturan 17.6

BAHAGIAN 19 – PURATA NILAI GRED

19.1 Pengiraan Unit dan Purata Nilai Gred (PNG)

19.1.1 Kursus wajib seperti yang dinyatakan dalam kaedah 14.2 akan digunakan dalam pengiraan jam kredit.

- 19.1.2 Semua kursus akan diambil kira bagi menentukan PNGS dan PNGK pelajar.
- 19.1.3 Kursus-kursus yang mendapat gred "F" dan status "XX" juga diambil kira untuk menentukan PNGS dan PNGK.
- 19.1.4 Penjanaan PNGK pelajar yang mengulang kursus yang gagal adalah dengan menggantikan nilai gred kursus asal kepada nilai gred baru, yang mana lebih baik dan hendaklah dibuat tanpa mengubah PNGS bagi semester kursus asal diambil. Perubahan PNGK akan dibuat pada semester semasa kursus ulangan diambil.

19.2 Kaedah Pengiraan Purata Nilai Gred

19.2.1 Pengiraan Purata Nilai PNGS adalah seperti berikut:

$$\text{PNGS} = \frac{\text{Jumlah nilai gred pada semester semasa}}{\text{Jumlah jam kredit bagi semua kursus pada semester semasa}}$$

19.2.2 Pengiraan Purata Nilai PNGK adalah seperti berikut:

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah kumulatif nilai gred sehingga semester semasa}}{\text{Jumlah kumulatif sehingga semester semasa Jam Kredit}}$$

BAHAGIAN 20 – STATUS PENGAJIAN

20.1 Status Pengajian (Secara Kerja Kursus)

20.1.1 "L" (Lulus):

- (a) Pelajar akan diberi status Lulus jika mendapat PNGK 3.00 dan ke atas;
- (b) Pelajar yang diberi status lulus, layak untuk meneruskan pengajiannya.

20.1.2 "LB" (Lulus Bersyarat):

- (a) Pelajar akan diberi status Lulus Bersyarat (LB) jika mendapat PNGK di antara 2.33 dan 2.99;
- (b) Pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat pada dua (2) semester berturut-turut akan diberikan status Gagal dan Berhenti (GB);
- (c) Pelajar akan diberi status Lulus Bersyarat (LB) jika mendapat PNGK di antara 2.33 dan 2.99;
- (d) Pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat pada dua (2) semester berturut-turut akan diberikan status Gagal dan Berhenti (GB).

20.1.3 "GB" (Gagal dan Berhenti):

- (a) Pelajar akan diberikan status Gagal dan Berhenti (GB) jika berstatus LB pada dua (2) semester berturut-turut;
- (b) Pelajar akan diberikan status Gagal dan Berhenti (GB) jika mendapat PNGK di

bawah 2.33 pada mana-mana semester;

- (c) Pelajar yang mendapat status Gagal dan Berhenti (GB) akan hilang status dan terhenti sebagai seorang pelajar.

20.1.4 "TANGGUH PENGAJIAN" Pelajar yang diluluskan untuk menanggung pengajian mengikut kaedah 4.4.

20.1.5 "TANGGUH PENGAJIAN (MASALAH KESIHATAN)" Pelajar yang diluluskan untuk menanggung pengajian disebabkan masalah kesihatan mengikut kaedah 4.4.

20.1.6 "GANTUNG PENGAJIAN" Pelajar digantung pengajian mengikut kaedah 4.5.

20.1.7 "TARIK DIRI DARI PENGAJIAN" Pelajar menarik diri dari pengajian.

20.1.8 DIBERHENTIKAN (TATATERTIB) diberhentikan dari pengajian:

- (a) Jika pelajar yang tidak mendaftar selama dua (2) semester berturut-turut (subkaedah 4.2.6);
- (b) Jika pelajar gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan;
- (c) Jika pelajar dipecat dari Universiti mengikut Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 (P.U.A 210).

20.2 Rayuan Meneruskan Pengajian

20.2.1 Pelajar yang mendapat status Gagal dan Berhenti mengikut 20.1.3 (a) boleh membuat rayuan kepada Senat mengikut syarat-syarat berikut:

- (a) rayuan dibenarkan sekali sahaja sepanjang pengajian;
- (b) pelajar hendaklah membayar yuran pemprosesan sebanyak RM300 yang ditetapkan oleh Universiti;
- (c) mendapat kebenaran Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat/Institut untuk merayu dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh keputusan status Gagal dan Diberhentikan pelajar diumumkan;

20.2.2 Rayuan berkenaan hendaklah di bawa oleh Fakulti/Pusat/Institut ke Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Senat.

20.2.3 Senat boleh mempertimbangkan rayuan seseorang pelajar yang mendapat status Gagal dan Berhenti dengan:

- (a) membenarkan pelajar untuk meneruskan pengajian, pelajar itu hendaklah mendaftar pada semester berikutnya dan bukan pada semester di mana rayuan dikemukakan. Walau bagaimanapun, semester di mana rayuan dikemukakan itu hendaklah tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada pengiraan tempoh pengajian maksimum;
- (b) menolak rayuan itu

20.2.4 Keputusan Senat di bawah subkaedah 20.3.3 adalah muktamad dan tidak boleh dirayu semula.

BAHAGIAN 21 – PENGIJAZAHAN

21.1 Syarat Pengurniaan Ijazah

- 21.1.1 Pelajar layak dikurniakan Ijazah setelah memenuhi semua syarat pengijazahan Pengajian Pascasiswazah termasuklah;
- (a) memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh pihak Universiti.
 - (b) melengkapkan keperluan jam kredit program dan LULUS semua kursus yang ditetapkan oleh Fakulti/Pusat/Institut.
 - (c) keputusan peperiksaan pelajar hendaklah disahkan oleh Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah dan diperakukan oleh Senat.
 - (d) melunaskan segala bentuk hutang dan liabiliti kepada Universiti sepanjang tempoh pengajian.

21.2 Syarat Pengurniaan Ijazah Posthumus

- 21.2.1 Senat boleh menganugerahkan Ijazah Posthumus kepada pelajar yang telah meninggal dunia semasa masih dalam pengajian.
- 21.2.2 Penganugerahan Ijazah Posthumus ini tertakluk dengan syarat-syarat berikut;
- (a) pelajar telah memenuhi sekurang-kurangnya 75% keperluan pengajian.
 - (b) pelajar hendaklah mendapat PNGK 3.00 dan ke atas pada setiap semester sepanjang tempoh pengajian yang telah dilalui.
- 21.2.3 Senat boleh memberikan pengecualian terhadap syarat-syarat yang dinyatakan pada subkaedah 21.2.2.

BAB D

BAHAGIAN 22 – PERUNTUKAN AM

22.1 Am

- 22.1.2 Kaedah ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat akan berkuatkuasa serta merta.
- 22.1.3 Senat mempunyai kuasa membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Kaedah ini dari semasa ke semasa.
- 22.1.4 Semua hasil penyelidikan dan penerbitan yang dilakukan oleh pelajar sepanjang tempoh pengajian adalah merupakan hak milik intelek Universiti.



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Dikeluarkan oleh:

Pusat Pengajian Pascasiswazah

Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS, 88400

Kota Kinabalu, Sabah

No. Tel. : 088-321026

No. Faks : 088-32023

<http://www.ums.edu.my/pasca>